

# 'Mohon ALLAH bukakan pintu hati orang untuk maafkan kita'



WAN SALIM



MOHAMMAD NIDZAM

**ANDAI** kata, permohonan maaf yang dipinta daripada individu berkenaan tidak diterima, kita disarankan untuk meminta pertolongan orang tengah dalam usaha menyelesaikan perkara tersebut.

Menurut **Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Dr Wan Salim Mohd Noor**, sebolehnya pihak mahu membantu terbabit mestilah dalam kalangan mereka yang disegani untuk menasihati individu yang enggan memaafkan kesalahan kita sebelum ini.

"Orang tengah berkenaan hendaklah mengingatkannya tentang ganjaran pahala lumayan bagi sesiapa yang memaafkan kesalahan orang terhadapnya, malah kesalahannya sendiri akan diampunkan oleh ALLAH SWT kerana kesudiannya memaafkan orang," jelasnya kepada *Sinar Islam*.

Dalam perihal meminta maaf itu, agamawan itu berkata, ia terpulang kepada seseorang untuk memilih tatacara permohonan maaf yang difikirkan terbaik.

"Contohnya, dengan sering menyampaikan salam, mengucapkan selamat hari jadi, memberi hadiah-hadiah

tertentu, membelanja makan dan sebagainya.

"Untuk membuat permohonan maaf, dianjurkan pilih keadaan dan waktu yang sesuai serta munasabah seperti sempena sambutan hari raya, hari lahir dan sebagainya," ujar beliau.

Sementara itu, **Pensyarah Kanan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Dr Mohammad Nidzam Abdul Kadir** berkata, seandainya kita sudah berusaha sedaya mungkin untuk memohon maaf, tetapi tidak berhasil memohon kemaafan daripada individu tersebut, maka berdoalah kepada ALLAH memohon agar dibukakan pintu hatinya.

"Mudah-mudahan individu berkenaan terbuka hatinya untuk memaafkan kesalahan kita.

"Bagaimanapun, jika kita melakukan kesalahan kepada orang yang sudah sekian lama tidak berhubung serta bersua dengannya setelah pelbagai usaha dilakukan, berdoalah semoga ALLAH mengampuni dosa kita," ujar beliau.